



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA, HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL) SEPERTI ZON PERANG

Hospital Kuala Lumpur (HKL) mengambil maklum dan prihatin akan paparan yang dimuat naik dalam media sosial pada 29 April 2026 yang menggambarkan Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kuala Lumpur (HKL) seperti zon perang.

Jabatan Kecemasan dan Trauma, HKL sedang dalam proses naik taraf. Projek ini dilaksanakan sebagai perancangan strategik untuk menampung kapasiti pesakit yang bertambah bagi keselesaan pesakit. Sepanjang projek ini berlangsung, Jabatan Kecemasan dan Trauma terpaksa beroperasi di atas kawasan yang mengecil sebanyak 50 peratus manakala 50 peratus lagi adalah bagi laluan projek naik taraf tersebut. Walau bagaimanapun, perkhidmatan kesihatan di jabatan ini masih diteruskan dengan mengamalkan prinsip *no wrong door*.

Jangkaan siap projek adalah pada akhir tahun 2026. HKL akan sentiasa memastikan operasi Jabatan berjalan lancar dengan semua kes diberikan perawatan mengikut prosedur standard operasi.

Infrastruktur yang kelihatan uzur adalah bersifat sementara kerana proses ubahsuai bagi menampung projek naik taraf. Manakala kerusi-kerusi bagi pesakit dan waris yang menunggu akan ditambah mengikut kapasiti khemah menunggu sedia ada bagi meningkatkan keselesaan pelanggan.

Pihak pengurusan HKL mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan masyarakat dan sentiasa bersikap terbuka menerima cadangan.

**PENGARAH
HOSPITAL KUALA LUMPUR
30 APRIL 2026**

